

PERKEMBANGAN PERSATUAN BERSEMANGAT SUCI DI MALAYSIA

3.1 SEJARAH PERKEMBANGAN DI MALAYSIA

Sejak 26 tahun yang lalu pada tahun 1965, Persatuan Bersemangat Suci telah mula mendaki di Malaysia, ekoran kedatangan pengasas PBS, pendita Sun-Myung Moon ke Malaysia. Pada peringkat awal itu, persatuan ini tidak dapat perhatian dari penduduk tempatan. Ia juga belum didaftar secara rasmi sebagai sebuah pertubuhan yang sah di Malaysia. Aktiviti-aktiviti jarang diadakan, malahan sambutannya adalah pasif sekali.

Pada tahun 1975, tiga orang paderi PBS telah dihantar oleh pendita Moon ke Malaysia. Tujuan kedatangan mereka ialah menyebarkan ajaran persatuan. Ketiga-tiga paderi itu terdiri daripada Hedi (Jerman), Reverly (Amerika Syarikat) dan Takashi Gagawa (Jepun). Kedatangan mereka serta usaha yang dicurahkan menjadikan PBS mulai terdedah kepada penduduk tempata. Pusat pertama terletak di Bangsar sebagai sebuah persatuan yang belum berdaftar. Aktiviti yang terhad sahaja diadakan kerana kekurangan ahli.

Pada permulaan tahun 1980, paderi Gagawa yang kini telah pulang ke Jepun memulakan tindakan awal dalam penyebaran ajaran di Malaysia. Dengan kerja sama ahli persatuan yang kebanyakan terdiri dari penuntut tamat pengajian dari luar negeri, akhirnya persatuan ini berjaya didaftarkan secara rasmi di Malaysia pada 23 hb Januari 1980. Nama penuh Persatuan ini ialah "Persatuan Bersemangat Suci (Pusat Pen-

didikan)" atau "Holy Spirit Association(Education Centre)"(16).

Pusat Persatuan Bersemangat Suci sejak didaftarkan rasmi sehingga sekarang telah pindah beberapa kali. Sebelum didaftarkan, pusat pertama seperti yang disebut di atas, terletak di Bangsar. Selepas Bangsar, ia pernah dipindahkan ke Seksyen 5, Petaling Jaya dan di SS 2, Petaling Jaya. Kini pusat Persatuan Bersemangat Suci yang tetap terletak di 102/103, Tingkat 2 Bangunan Yap, Jalan Tun H.S.Lee, Kuala Lumpur.

Selain daripada pusat PBS di Kuala Lumpur, terdapat cawangan persatuan di Selangor Darul Ehsan, Pulau Pinang, Ipoh(Perak), Melaka, Johor Bahru dan Pahang. Pada pandangan pengkaji, kegiatan PBS berpotensi untuk berkembang di negeri-negeri lain yang belum ada cawangan, seperti di Sabah, Sarawak, Negeri Sembilan dan sebagainya. Apa yang hendak ditegaskan ialah tiadanya cawangan di sesebuah negeri tidak bermakna tiadanya ahli PBS di negeri tersebut.

Sehingga hari ini, PBS berkembang pesat sekali sejak tahun 1980an. Ahli persatuan kini dijangka lebih dari 1,000 orang di Malaysia. Antara cawangan PBS yang aktif ialah di Pulau Pinang, Ipoh, Melaka dan Johor Bahru.

PBS ini semakin terdedah kepada penduduk di Malaysia melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Ahli persatuan yang semakin bertambah menunjukkan persatuan ini berpotensi untuk terus berkembang. Sehingga hari ini, persatuan ini tidak lagi asing kepada orang ramai, khususnya di negeri

yang mempunyai cawangan persatuan.

3.2 PERKEMBANGAN DI KUALA LUMPUR

Kedudukan pusat PBS kini yang terletak di pusat bandar didapati adalah sesuai, kerana tempat tersebut merupakan tempat tumpuan orang ramai. Perkembangan PBS di Kuala Lumpur boleh dikatakan mencapai kemajuan yang pesat. Dari segi jumlah ahli, ia mengalami penambahan yang pesat. Semasa persatuan didaftarkan, hanya terdapat tujuh orang ahli yang aktif. Sebelas tahun selepasnya, kini ahli persatuan di Kuala Lumpur sahaja mempunyai 200 hingga 300 ahli yang aktif.

Kali pertama pengkaji melawat pusat PBS di Kuala Lumpur, pengkaji nampak seorang gadis memegang file berdiri di bawah pusat PBS. Oleh kerana masa temujanji belum sampai, pengkaji pun merayau-rayau di sekitar pusat PBS. Tidak lama kemudian, gadis yang memegang file itu datang kepada pengkaji dan memperkenalkan dirinya sebagai ahli PBS. Beliau menjemput pengkaji naik ke pusat untuk melawat pusat mereka. Baru pengkaji sedar bahawa ini merupakan salah satu cara persatuan memperkenalkan persatuan mereka kepada orang ramai.

Di dalam pusat PBS Kuala Lumpur, keadaannya adalah selesa dan nampaknya aman. Banyak kemudahan disediakan dalamnya. Pada dasarnya pusat tersebut mempunyai tiga bilik utama. Terdapat sebuah bilik untuk pertunjukan gelansar, dewan tetamu dan bilik televisyen dan video. Di dewan tetamu terdapat rak-rak buku dan sofa yang selesa. Seluruh pusat

PBS ini adalah berhawa dingin serta berkarpet. Kasut tidak dibenarkan pakai di dalamnya. Persekitaran sebegini adalah sesuai untuk mengadakan perbualan atau untuk belajar(17).

Menurut Encik Chew, pusat tersebut adalah sewa dari orang lain. Semua aktiviti seperti seminar, "Sunday Service" dan perayaan tertentu semua diadakan di pusat ini. Pusat ini menjadi sistem saraf yang paling penting dan menjadi pusat utama PBS di Malaysia. Setiap hari terdapat lebih kurang 4 hingga 5 orang pekerja berada di pusat ini. Sekurang-kurangnya dua orang pekerja tetap di situ dan yang lain hanya secara suka rela sahaja. Bagi pekerja yang tetap, elaun akan diberikan oleh persatuan, tetapi gaji tidak diberi walaupun ia digelar "pekerja".

Pada keseluruhannya, setiap ahli di pusat ini adalah peramah, khasnya Encik Chew selaku naib-presiden PBS di Malaysia. Walaupun kadang-kala beliau dirasakan enggan bekerja sama atas soal-soal tertentu yang dikemukakan, tetapi setiap kali temubual dengan beliau, makanan dan minuman disediakan baik pada sebelah pagi atau petang.


3.3 SISTEM KOMUNIKASI PERSATUAN

Pada dasarnya, komunikasi merujuk kepada sistem perhubungan PBS. Oleh kerana ahli persatuan terdapat di lebih kurang 120 buah negara di seluruh dunia, maka sistem komunikasi yang lengkap perlu dirancang agar tidak putus perhubungan di antara pusat persatuan dengan persatuan di luar negeri.

Walaupun Korea merupakan negara asal tubuhnya PBS

oleh pendita Moon, kini pusat utama telah pindah ke Amerika Syarikat. Sistem komunikasi adalah bermula dari pendita Moon kemudian dihantar kepada presiden di setiap negara dan seterusnya kepada ahli persatuan secara umumnya.

Sistem komunikasi ini secara ringkas ditunjukkan seperti carta di bawah :



Carta : Komunikasi Persatuan Bersemangat Suci

Pada keseluruhannya, komunikasi PBS dapat diringkaskan seperti berikut :

- a) komunikasi pendita Moon dengan presiden tiap negara
- b) Komunikasi presiden dengan ketua cawangan negeri
- c) Komunikasi ketua negeri dengan ahli persatuan
- d) Komunikasi di antara ahli persatuan

Komunikasi antara pendita Sun-Myung Moon dengan presiden persatuan tiap negara dilakukan melalui media pencetakan seperti majalah, iaitu Today's World, World And I, "news letter" dan sebagainya, atau melalui media elektronik, khasnya video. Melalui cara demikian, presiden tahu kegiatan pendita Moon dan aktiviti yang diadakan di seluruh dunia.

Komunikasi presiden PBS dengan ketua PBS cawangan dilakukan melalui penemuan sekurang-kurangnya sebulan sekali dalam konteks Malaysia. Dalam perjumpaan itu, perkembangan tiap negeri dilaporkan.

Komunikasi ketua cawangan dengan ahli persatuan dan di antara ahli sendiri dilakukan dengan penyertaan aktiviti yang diadakan, seperti "Sunday Service", seminar, perayaan tertentu dan sebagainya.

Sistem komunikasi PBS pada keseluruhannya adalah bersistematik. Namun demikian, perhubungan antara presiden dengan ketua cawangan jarang dilakukan berbanding dengan hubungan antara ahli. Komunikasi yang jarang ini menjadikan aktiviti yang diadakan oleh tiap cawangan tidak sama dan mungkin keluar dari objektif PBS sendiri.

3.4 STRUKTUR ORGANISASI DAN PENTADBIRAN

Oleh kerana di Malaysia tidak ada gereja PBS, istilah "ahli" telah digunakan dan bukan "penganut". Walaupun demikian, tidak dapat dinafikan bahawa PBS merupakan sebuah pertubuhan agama.

Unit bagi sesebuah persatuan ialah ahlinya. Dalam struktur organisasi PBS di Malaysia, ia mempunyai badan organisasinya sendiri.

Didapati bahawa badan exco PBS di Malaysia semua adalah muda usianya, iaitu di antara 27 hingga 44 tahun. Usia mereka yang muda ini dikehendaki mengawasi sebuah pertubuhan merupakan satu cabaran yang besar, dan ahli exco PBS ini nampaknya dapat menjalankan tugas mereka dengan baik dan sempurna.

Presiden pada dasarnya bertanggung-jawab mengawasi aktiviti persatuan di seluruh negara. Tanggung-jawab naib-presiden adalah rumit sedikit. Tanggung-jawabnya di samping menolong presiden, dia juga dikehendaki mengawasi Bahagian Pendidikan, membimbing ahli baru, kaunseling, menganjurkan seminar dan memperkenalkan rakaman video kepada sesiapa yang berminat. Peranan bendahari dan setiausaha pada dasarnya adalah sama dengan badan pentadbiran yang lain.

Dapat dilihat bahawa pada keseluruhannya jawatan yang dipegang oleh setiap exco setanding dengan tanggung-jawab mereka. Hubungan yang erat di antara exco akan mewujudkan satu persatuan yang kuat dan kukuh.

3.5 EKONOMI PERSATUAN

Pada perasaan pengkaji, naib-presiden PBS Encik Chew tidak berapa rela beritahu sumber kewangan persatuan. Ini mungkin kerana soal kewangan merupakan isu sensitif bagi persatuan tersebut.

Sumber kewangan PBS datang dari beberapa cara. Dermaan dari ahli sama ada dalam bentuk kewangan atau barangan merupakan cara asas. Sebahagian video misalnya menurut Encik Chew adalah didermakan oleh ahli persatuan. Bagi ahli persatuan yang mempunyai pekerjaan, 10% dari gaji bulanan mereka dikehendaki derma kepada persatuan. Dermaan ini digelar "Tithe". Bagi ahli yang tiada pekerjaan atau masih dalam bangku sekolah, mereka digalakkan derma dari segi tenaga.

Kempen menjual barangan diadakan setiap bulan

untuk ahli yang tiada pekerjaan, menyumbangkan tenaga kepada persatuan. Barangan yang dijual termasuk alat-alat tulis, patung-patung dari Korea dan makanan ringan. Menurut Encik Chew, alat-alat tulis biasanya dibeli dari pusat membeli-belah apabila terdapat jualan istimewa.

Menurut kajian Jason K.S. Shen (18), barangan yang dijual oleh PBS adalah sepuluh kali ganda lebih mahal dari harga pasaran. Sebagai pengalaman responden yang ditemubual oleh pengkaji, Encik Ngam memberitahu pengkaji bahawa beliau pernah "ditipu" dengan membeli sebatang gula-gula comel dengan \$10.00. Sebenarnya rasa simpati terhadap pemuda-pemudi yang menjual barang tersebut mendorong beliau belikan gula-gula tersebut.

Ahli persatuan yang tidak bekerja ini nampaknya rela berkhidmat untuk persatuan dengan tidak dapat apa-apa ganjaran. Menurut Encik Chew, kempen ini bukan sahaja mendapatkan sumber kewangan persatuan, secara tidak langsung ia melatih ahli persatuan untuk berinteraksi dengan masyarakat.

Sebenarnya selain daripada barang penjualan di atas, penjualan "ginseng" merupakan sumber utama PBS di Malaysia. Ginseng yang dijual termasuk kapsul ginseng Korea IL Hwa, ginseng-E, pati ginseng pekat dan tea ginseng. Harga barangan ini adalah sangat mahal, maka ia dijual oleh ahli yang terpilih dan terhad. Barangan hasilan ginseng ini adalah diimport dari Korea dengan nama syarikat IL Hwa Korean Ginseng(M) Sdn. Bhd, dan pusat penjualannya terletak di The Mall, Sungai Wang Plaza di Kuala Lumpur dan di SS 2,

Petaling Jaya.

Menurut Nanyang Siang Pau bertarikh 20 hb April 1991(19), terdapat dua orang pemuda Singapura telah dihantar ke Swetzeland untuk menjual ginseng. Mereka pergi ke Swetzeland semata-mata berkhidmat untuk PBS, tetapi tidak memberitahu ibu bapa mereka. Tingkah-laku mereka terbocor sehingga mereka menemui kemalangan jalanraya, di mana seorang darinya meninggal dunia dan seorang lagi cedera.

Menurut John Butterworth (20), pendita Moon adalah sangat kaya dan dijangka mempunyai harta lebih dari L35 million, termasuk lebih dari 80 jenis peniagaan di beberapa negara. Manakala menurut Chung H.Kwak(21), PBS di seluruh dunia mempunyai banyak kilang, termasuk kilang memproses ginseng, perkapalan dan sebagainya.

Walau bagaimanapun dalam konteks Malaysia, setiap kewangan PBS dikehendaki bertanggung jawab kepada sumber kewangan dan perbelanjaan mereka sendiri.

Didapati bahawa pusat PBS di Kuala Lumpur adalah mewah dan selesa, termasuk mempunyai alat-alat elektronik yang mahal. Sekiranya ia hanya bergantung kepada dermaan dan kempen penjualan oleh ahli sahaja, perbelanjaannya adalah sukar dibiayai.